




**ZULFAQAR Journal of
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: zulfaqar.upnm.edu.my



**HUBUNGAN ANTARA PENGHAYATAN NILAI INTEGRITI DENGAN PELAKSANAAN SISTEM
PENGURUSAN KUALITI MS1900 DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA, MALAYSIA**

***THE RELATIONSHIP BETWEEN THE APPRECIATION OF THE VALUE OF INTEGRITY WITH THE
IMPLEMENTATION OF THE QUALITY MANAGEMENT SYSTEM MS1900 IN PRIVATE
INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING, MALAYSIA***

**Hasan Al-Banna Mohamed^{a,*}, Azmi Ahmad^b, Wan Norhasniah Wan Husin^a, Siti Arni Basir^c,
Burhanuddin Jalal^a, Mohd Hamran Mohamad^a, Sayuti Ab Ghani^a**

^a Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

^b Universiti Tenaga Malaysia (UNITEN), Kampus Putrajaya, Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

^c Akademi Pengajian Islam (APIUM), Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: hasanalbanna@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

16-07-2020

Received in revised

16-07-2020

Accepted

11-11-2020

Available online

12-11-2020

Keywords:

Sistem Pengurusan
Kualiti MS1900, Nilai
Integriti, Institusi
Pengajian Tinggi Swasta

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

ABSTRAK

Dewasa kini, banyak organisasi menghadapi cabaran-cabaran kebejatan nilai atau etika moral dalam kalangan pekerja. Isu salahguna kuasa, rasuah, tidak berdisiplin, tidak berintegriti dan sebagainya telah menjadi tumpuan dalam media massa. Justeru, pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berasaskan Syari'ah (MS1900:2014) seharusnya diangkat menjadi agenda utama dan berperanan penting dalam menerapkan nilai-nilai murni bagi setiap individu pekerja di sesebuah organisasi. Tambahan pula, SPK MS1900 ini merupakan satu piawaian pengurusan kualiti patuh Syari'ah yang pertama telah diperkenalkan di Malaysia dan juga di dunia. Oleh itu, kertas ini bertujuan membincangkan hasil kajian penghayatan nilai integriti dalam pelaksanaan MS1900 ini terhadap para pekerja organisasi yang berjaya memperoleh pensijilannya. Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan secara kuantitatif menerusi borang soal selidik yang dilakukan terhadap 294 responden yang terdiri daripada para pensyarah, pegawai eksekutif dan pegawai bukan eksekutif di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghayatan nilai integriti berkadar langsung dan mempunyai hubungan signifikan dengan kejayaan pelaksanaan piawaian tersebut dalam kalangan pekerja. Rumusnya, dapatan kajian ini menjadi satu titik permulaan kepada organisasi lain untuk berusaha memperoleh piawaian MS1900 dengan memberi penekanan kepada nilai integriti agar ia menjadi amalan dalam usaha untuk mematuhi keperluan Syari'ah Islamiyyah pada setiap masa.

ABSTRACT

Today, many organizations face challenges to the deterioration of values or moral ethics among employees. The issues of abuse of power, corruption, undiscipline, lack of integrity and so on have become the focus of the mass media. Therefore, the implementation of Quality Management System (QMS) based on Shari'ah (MS1900: 2014) should be raised as the main agenda and play an important role in inculcating good values for each individual employee in an organization. Furthermore, SPK MS1900 is the first Shari'ah-compliant quality management standard that has been introduced in Malaysia and also in the world. Therefore, this paper aims to discuss

the results of the study of the appreciation of the value of integrity in the implementation of this MS1900 to the employees of the organization who successfully obtained its certification. The methodology of this study uses a quantitative survey research design through a questionnaire conducted on 294 respondents consisting of lecturers, executive officers and non-executive officers in a private institution of higher learning in Malaysia. The findings of the study show that the appreciation of integrity values is directly proportional and has a significant relationship with the successful implementation of these standards among employees. In summary, the findings of this study become a starting point for other organizations to strive to achieve the MS1900 standard by emphasizing the value of integrity so that it becomes a practice in an effort to comply with the requirements of Islamic Shari'ah at all times.

© 2020 UPNM Press. All rights reserved.

1.0 Pengenalan

Di peringkat global, belum wujud lagi satu piawaian seragam yang diguna pakai di sesebuah organisasi yang mampu mengurus dengan cekap dan berkesan mengikut keperluan *Syari'ah* selengkapnya. Apatah lagi dunia Islam atau golongan Muslim masih belum bersedia menyumbang idea-idea terutamanya dalam aspek sistem pengurusan kualiti (Khaliq & Fontaine, 2011). Walaupun begitu, wujud segelintir negara Islam yang mula menyedari betapa pentingnya kualiti perkhidmatan (Ilhaamie et al., 2013) dan suatu piawaian khusus yang mengutamakan kepatuhan kepada *Syari'ah* seperti konsep *Halalan Toyyiban*, kualiti dan cemerlang aspek material (luaran) dan *Insaniyah* (dalaman). Namun begitu, masih terdapat kekeliruan atau salah guna logo yang tidak sah terutamanya dalam bidang industri pemakanan seperti tanda Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM. Malah, banyak aduan diterima sehinggakan mendapat perhatian pihak kerajaan dan pejabat Perdana Menteri Malaysia sendiri. Pada realitinya, jika sekalipun wujud piawaian berlandaskan *Syari'ah*, namun ia masih dianggap baharu dan belum lagi dijadikan sebagai amalan atau budaya dalam sistem pengurusan organisasi.

Tambahan pula, saranan yang serius telah diberi oleh mantan Perdana Menteri Malaysia sendiri dalam Majlis Perdana Ulama-Umara 2015 agar dibangunkan satu piawaian yang dikenali sebagai Indeks *Syari'ah* Malaysia (Berita Harian, 2015). Indeks ini antara lain bertujuan bukan hanya untuk memastikan sesuatu dasar atau program mengikut kepatuhan *Syari'ah* dan nilai-nilai Islam, akan tetapi kualiti pelaksanaannya juga dapat dinilai secara saintifik. Hal ini secara langsung menjadikan setiap amalan seharian akan dijadikan sebagai ibadah untuk mendapat ganjaran pahala dan keredhaan Allah SWT (Muhamad Faisal & Mohd Rizal, 2013; Al-Qaradawi, 1975; Fazlur Rahman, 1984). Selain itu, untuk mengekalkan keharmonian dalam sesebuah organisasi, penekanan terhadap nilai-nilai murni dalam aspek sosial seperti nilai integriti semasa bekerja, hubungan baik antara majikan-pekerja dan kewajipan dalam menjaga hak kepentingan masyarakat perlu diberi perhatian.

Sehubungan dengan ini juga, dewasa ini banyak berita terpapar di dada akhbar tentang berita tentang cabaran-cabaran kebejatan nilai atau etika moral dalam kalangan pekerja sesebuah organisasi. Sering terdengar pekerja terlibat dengan salahguna kuasa, rasuah, tidak berdisiplin, tidak beringeriti dan sebagainya yang mencemarkan nama baik dan imej organisasi itu sendiri. Menurut Nik Hairi et al., (2012), penjawat awam dalam perkhidmatan awam di Malaysia masih bergelut dan bermasalah dengan isu prestasi dan integriti. Malah, statistik yang dikeluarkan oleh laman rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan jumlah tangkapan pada tahun 2015 adalah sebanyak 841 orang dan tahun 2016 pula melibatkan seramai 939 orang tangkapan. Manakala jumlah pada tahun 2017, adalah melibatkan sejumlah 860 orang tangkapan. Jumlah tersebut masih menjadi kebimbangan oleh pihak berkuasa apabila membabitkan tahap integriti dalam kalangan anggota kerja.

Hal ini tidak lain dan tidak bukan disebabkan kehilangan nilai dan etika dalam diri individu lebih-lebih lagi tiadanya nilai murni integriti. Sebenarnya, istilah integriti adalah sebagai satu nilai kejujuran, ketelusan kesempurnaan dan keutuhan. Ia juga dimaksudkan sebagai kewibawaan, keutuhan dari segi peribadi, tutur kata dan sopan santun (Sulaiman Mahbob, 2005). Oleh itu, nilai integriti dianggap sebagai kayu ukur kepada seseorang pekerja yang mempunyai aspek kompeten, profesional, jujur dan amanah (Ilhaamie et al., 2013). Ia juga adalah nadi utama kepada pencapaian hasil kerja berkualiti yang

dipertanggungjawabkan kepada seseorang individu atau organisasi dengan berlandaskan ciri-ciri kerja bersepadu dan menyeluruh (Megat Ayop & Abd. Halim, 2016).

2.0 Sorotan kajian

Sistem pengurusan kualiti (SPK) berasaskan Syari'ah (MS1900)

Kajian oleh Khalid dan Fontaine (2011) telah menyatakan bahawa sistem pengurusan kualiti mengikut perspektif Islam atau berasaskan *Syari'ah* ini mampu mendatangkan manfaat kepada organisasi, cuma aspek kefahaman pelaksanaannya masih rendah dan belum mendalam. Setelah wujudnya SPK Islam MS1900 sejak tahun 2005 lagi, didapati sehingga kini pada tahun 2018, jumlah organisasi yang telah memperoleh piawaian tersebut masih lagi rendah. Hakikatnya, Sistem Pengurusan Kualiti mengikut Piawaian *Syari'ah* MS1900 versi tahun 2014 ini berbeza dengan sistem pengurusan kualiti Barat yang lain. Hal ini demikian kerana model kerangka pelaksanaan SPK versi baharu ini lebih menitikberatkan sistem pengurusan yang berasaskan nilai murni. Malah model ini mengikut keperluan dari perspektif Islam yang merangkumi konsep Aqidah, *Syari'ah* dan Akhlak serta berpandukan tujuan teras dan disemai dengan nilai-nilai asas yang merupakan aset utama bagi organisasi dan menjadi pemandu utama untuk mencapai kecemerlangan prestasi (Hasan Al-Banna et al., 2016).

Manakala kajian-kajian empirikal terkini yang dijalankan oleh sarjana dalam negara ataupun luar negara mendapati setiap organisasi yang memperoleh pensijilan MS1900 masing-masing dengan gaya tersendiri atau kaedah '*try and error*'. Kemudian, selepas mendapatkan sijil piawaian itu, wujud masalah yang lain pula iaitu bagaimana hendak melaksanakan atau melestarikan amalan pengurusan SPK Islam dalam kalangan warga organisasi. Perkara yang lebih membimbangkan lagi status pensijilan tersebut tidak dapat diteruskan dan ditarik balik oleh pihak SIRIM yang akhirnya mengakibatkan organisasi berkenaan tercalar imejnya.

Oleh itu, sememangnya terdapat satu jurang yang perlu diselesaikan agar pelaksanaan SPK Islam MS1900 ini akan menjadi lebih mudah, teratur dan sempurna. Tambahan pula Fadzila Azni (2010) menegaskan bahawa kajian-kajian terhadap SPK Islam masih belum banyak dijalankan secara terperinci dan kajiannya hanya mengukur aspek luaran sahaja. Hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa setiap organisasi yang melaksanakan piawaian MS1900 ini masing-masing menggunakan kaedah atau metod tersendiri yang tidak seragam, menyukarkan dan tidak mudah untuk pihak lain mencontohinya.

Hakikatnya, SPK MS1900 telah mula dilaksanakan di organisasi sama ada di sektor awam atau korporat semenjak dilancarkan pada 2005. Organisasi-organisasi daripada pelbagai sektor seperti sektor awam, korporat, kesihatan, kewangan dan pembuatan telah berjaya mendapat pensijilan MS1900. Malaysia merupakan negara pertama memperkenalkan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan *Syari'ah* (SPKBS). Sistem ini awalnya dinamakan sebagai Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam - Keperluan dengan Panduan (Semakan Pertama) yang dikeluarkan pada tahun 2005 (Abdul Aziz, 2008; Hasan Al-Banna et al., 2014). Ia telah dilancarkan pada tahun 2005 bagi memenuhi kelengkapan elemen-elemen Islam yang terdapat dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000. Pada tahun 2014, Sistem Pengurusan Kualiti MS1900:2005 telah ditambah baik melalui beberapa penambahan bertujuan bagi memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan dan penghayatannya.

Matlamat kewujudan SPK Berasaskan *Syari'ah* (MS1900:2014) adalah untuk menyemai, meningkatkan dan mengamalkan kehendak *Syari'ah* dalam sistem pengurusan organisasi. Seterusnya, mempertingkatkan tadbir urus yang baik dan kecekapan organisasi selaras dengan prinsip-prinsip Islam yang meningkatkan keyakinan, seterusnya meningkatkan kepuasan dalam kalangan umat Islam dan pihak berkepentingan (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan *Syari'ah* - Keperluan dengan Panduan, MS 1900:2014).

Namun begitu, pelaksanaan MS1900 masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah pertambahan bebanan kerja, penekanan berlebihan kepada prosedur kerja dan kurang penghayatan terhadap budaya kualiti. Cabaran lain yang dihadapi ialah kurang kerjasama, kesukaran memahami klausa atau keperluan SPK tersebut dan kurang panduan yang jelas untuk melaksanakan SPK sehingga berjaya mendapat pensijilan. Kajian empirikal mengenai penyelidikan MS1900 ini secara konseptual sahaja pernah dijalankan oleh Lokman dan Siti Arni (2012) serta langkah pelaksanaan MS1900, faktor dan cabaran yang mempengaruhi pelaksanaan pula dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Siti Arni, 2010; Hasan Al-

Banna, 2014; Hasliza, 2015; Hasliza et al., 2016). Namun, kajian untuk meneroka keberkesanan pelaksanaan MS1900 dengan menekankan penghayatan nilai integriti secara mendalam masih belum lagi dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Justeru, objektif utama kajian adalah untuk mengkaji nilai integriti dalam pelaksanaan SPK Islam MS1900 bagi organisasi di Malaysia khususnya dalam institusi pendidikan. Hasil kajian ini diharap dapat memberi suntikan dorongan kepada pihak lain untuk melaksanakan pengurusan yang mematuhi keperluan *Syari'ah*. Akhirnya akan beroleh kejayaan bukan sahaja kepada peningkatan produktiviti organisasi, malah pembentukan modal insan yang cemerlang dari aspek sahsiah dalaman dan luaran.

Nilai Murni Integriti

Di sebalik kepesatan pembangunan pengurusan organisasi, istilah integriti sering dijadikan modul utama dalam menyelesaikan kekusutan dan kerumitan dalam pengurusan profesionalisme (Pattison & Edgar, 2011). Menurut Mikulay dan Goffin (1998), pihak pengurusan cenderung menggunakan istilah integriti sebagai alat ukuran untuk menilai sikap seseorang pekerja dan dengan itu, mereka mampu mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan untuk menghadapi masalah integriti dalam kalangan pekerja mereka. Manakala, menurut Faisal dan Hanafi (2017), kefahaman, penghayatan dan pelaksanaan nilai integriti secara bersepadu yang meliputi aspek spiritual dan kebendaan mampu melahirkan keutuhan peribadi yang mantap dan penyelesaian terbaik kepada organisasi. Hal ini penting apabila membabitkan organisasi yang berteraskan pendidikan atau institusi pengajian tinggi yang merupakan tempat bagi melahirkan produk seperti modal insan yang berdaya saing tinggi serta memiliki nilai dan etika yang holistik. Kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan perlu berasaskan kepada nilai integriti kerana kelemahan integriti dalam sektor pendidikan pastinya memberi kesan negatif kepada masyarakat (Abd. Rahim, 2007).

Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini berkaitan dengan hubungan nilai integriti dalam memberi kesan positif terhadap pelaksanaan sistem pengurusan organisasi agar menjadi lebih produktiviti dan berkualiti. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Abou et al., (2010) yang menegaskan bahawa nilai integriti daripada pemimpin organisasi mampu meningkatkan prestasi organisasi dengan tercapainya kepuasan bekerja dalam kalangan pekerjanya. Perkara ini turut disahkan melalui kajian oleh Megat Ayob dan Abd. Halim (2016) yang membuktikan bahawa nilai integriti dan etika kerja amat penting dan menjadi kemestian untuk diamalkan oleh pekerja dalam sesebuah organisasi demi meneruskan kelangsungan mutu perkhidmatan yang unggul. Tambahan pula, Ishak et al., (2016) turut mengesahkan bahawa nilai integriti mempunyai kesan positif dan hubungan yang signifikan terhadap prestasi pekerja dalam organisasi yang telah dikaji.

Secara amnya, kebanyakan kajian-kajian lalu hanya tertumpu kepada aspek teknikal SPK Islam MS1900 seperti langkah-langkah pelaksanaan, faktor mempengaruhi, faedah dan cabaran. Begitu juga tumpuan hanya kepada pembangunan dan kelestarian prestasi pekerja dan organisasi yang terkesan oleh nilai integriti secara umum. Manakala aspek nilai seperti integriti masih begitu kurang diteroka. Didapati para pengkaji lepas kurang memberi perhatian dan pertimbangan kepada pengaruh nilai integriti terhadap kesan yang lebih spesifik iaitu sistem sokongan organisasi (contoh; amalan pengurusan sumber manusia, pengurusan kualiti menyeluruh dan pengurusan risiko) yang akhirnya menyumbang kepada prestasi pekerja dan organisasi. Justeru, sorotan literatur menunjukkan terdapat keperluan untuk menjalankan kajian mendalam mengenai impak nilai integriti terhadap pelaksanaan SPK Berasaskan *Syari'ah* (SPKBS) MS1900. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan kepada penghayatan nilai integriti dalam memberi impak terhadap keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan *Syari'ah* (SPKBS) MS1900 di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia.

3.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan tinjauan secara kuantitatif menerusi borang soal selidik seperti yang dicadangkan oleh Yin (2016). Menurut Clark dan Creswell (2015), kajian tinjauan merupakan kaedah terbaik untuk memungut data yang asli daripada populasi yang besar melalui teknik persampelan menerusi borang soal selidik. Pada peringkat awal, kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 responden yang menunjukkan bahawa nilai *Alpha Cronbach* adalah melebihi 0.60 ke atas dan hal ini diakui oleh Sekaran dan Bougie (2016) bahawa nilai tersebut dianggap mempunyai keesahan yang tinggi, konsistensi dan boleh diterima untuk diteruskan penyelidikan yang sebenar. Oleh itu, kajian tinjauan telah dilakukan terhadap 294 responden yang terdiri daripada persampelan rawak berkelompok membabitkan

para pensyarah, pegawai eksekutif dan pegawai bukan eksekutif di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia.

4.0 Dapatan Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan bantuan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23.0 menerusi analisis inferensi secara Ujian Korelasi Pearson. Analisis Korelasi Pearson merupakan satu teknik statistik yang dipergunakan untuk mengukur kekuatan hubungan dua pemboleh ubah atau lebih bagi mengetahui bentuk hubungan sama ada kuat, sederhana atau lemah (Sekaran & Bougie, 2016).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penghayatan nilai murni integriti sememangnya berkadar langsung dan mempunyai hubungan signifikan dengan kejayaan pelaksanaan piawaian MS1900 dalam kalangan pekerja. Hal ini terbukti menerusi pencapaian Ujian Korelasi Pearson dengan nilai $r = 0.516$ dan $p = 0.000$. Dapatan ini jelas menunjukkan wujudnya perhubungan yang sederhana kuat dan signifikan antara penghayatan nilai murni integriti dalam pelaksanaan SPK MS1900 yang memberikan kepuasan dalam kalangan pekerja di IPTS berkenaan.

Justeru, dapatan ini menyamai kajian yang dijalankan oleh Halimatus Saadiah et al., (2013) iaitu aspek nilai integriti yang diuruskan berdasarkan kepada perspektif Islam mampu memberi impak kepada organisasi serta boleh mempengaruhi kepuasan bekerja. Bukan hanya setakat itu sahaja, nilai integriti dapat memberi faedah besar kepada kesejahteraan individu (Fatimah Wati et al., 2015) serta sesebuah masyarakat dan juga kepada negara. Demi menjamin penghayatan nilai integriti ini sentiasa diamalkan oleh setiap pekerja dalam IPTS berkenaan, maka pihak pengurusan institusi berkenaan telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti seperti program 'Audit Nilai' pada setiap tahun dan program 'Bicara Integriti' setiap Jumaat secara mingguan dari jam 8.15 hingga 8.45 pagi serta program bulanan '*The Quality Moment*' semata-mata bagi meningkatkan penghayatan nilai integriti dalam kalangan pekerja. Kesemua aktiviti dan program tersebut secara langsung berupaya menanam nilai integriti dalam diri setiap warga dan sekaligus memberi kesan kepada kejayaan dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berasaskan *Syari'ah* dengan lebih sempurna. Oleh yang demikian, keperluan untuk meningkatkan tahap integriti dalam kalangan pekerja dari pelbagai kategori perlu diberi perhatian serius agar menjadi teladan kepada segenap lapisan masyarakat dalam memahami, menghayati dan seterusnya mengamalkan nilai integriti dalam amalan seharian (Wan Mohamad, 2009).

5.0 Kesimpulan dan Rumusan

Secara kesimpulannya, hasil kajian ini berjaya menunjukkan nilai integriti mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan pelaksanaan MS1900. Oleh itu, para pemimpin dan pengurus hendaklah memberi tumpuan kepada nilai integriti sekiranya mereka mahu melihat sistem tersebut dapat dilaksanakan secara efektif. Hasil kajian ini menjadi satu titik permulaan kepada organisasi lain untuk berusaha memperoleh piawaian MS1900 secara lebih berkesan dan mapan. Seterusnya, budaya integriti, akauntabiliti dan kepatuhan kepada keperluan *Syari'ah Islamiyyah* akan menjadi satu amalan para pekerja pada setiap masa. Malahan, umat Islam seharusnya menyakini bahawa sistem pengurusan dalam Islam adalah bersifat holistik dan seimbang dengan menekankan semua aspek yang menjadi keperluan dalam kehidupan manusia. Perkara ini menurut Ahmad Bashir (2004), penghayatan nilai murni berdasarkan ajaran agama dalam pengurusan adalah langkah terbaik dalam menyelesaikan persoalan pelanggaran etika dan sebagainya. Hal ini demikian kerana matlamat pelaksanaan nilai-nilai murni mengikut SPK Berasaskan *Syari'ah* (SPKBS) dalam sesebuah organisasi bukanlah semata-mata bermatlamatkan untuk membangunkan pekerja yang baik, malah sebagai seorang hamba yang bertaqwa kepada Allah SWT dalam segenap aspek urusan kehidupan seharian demi mencapai kejayaan sebenar (*Al-Falah*). Selain itu, SPKBS ini berupaya melahirkan nilai integriti dan akauntabiliti dalam diri individu pensyarah sama ada yang bertugas di IPTA atau IPTS untuk dijadikan budaya kerja seharian mereka. Apabila nilai murni integriti ini tersemat dalam jiwa setiap ahli akademik pasti kecurangan akademik dan segala isu-isu negatif akan dapat dibendung dan dielakkan. Hasil kajian ini turut memberi sumbangan kepada pembangunan ilmu berkenaan dengan nilai integriti dalam Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan *Syari'ah* (SPKBS) kerana aspek tersebut masih belum diterokai. Hasil kajian ini juga memperkayakan literatur berkenaan dengan inisiatif dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan *Syari'ah* MS1900 di sektor pengajian tinggi di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini diperuntukkan oleh Geran Penyelidikan Jangka Pendek (Sains Sosial) (UPNM/2019/GPIP/SSK/3) pada tahun 2019 oleh pihak UPNM.

Rujukan

- Abd. Rahim, A. R. (2007). *Integriti institusi sosial: Resiliensi terhadap perubahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Aziz, L. (2008). *MS1900:2005 quality management systems requirements from Islamic perspective*. Seminar MS1900:2005. Makalah Majlis Penyampaian Sijil dan Seminar MS1900:2005. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 30 Oktober 2008, Kuala Lumpur.
- Abou, B., Salman, M., & Asad, A. (2010). Impact of leadership integrity on employee attitude. *Internationally Indexed Journal*, 1(1), p. 81-88.
- Ahmad Bashir, A. (2004). *Nilai dan etika pengurusan: Analisa dari perspektif agama-agama di Malaysia*. Seminar Nilai dalam Komuniti (SIVIC). Sintok: Universiti Utara Malaysia, 4-5 September 2004.
- Al-Qaradawi, Y. (1975). *Al-Iman wa al-hayah*. (Cet. Ke-2). Kaherah: Mu'assasah al-Risalah.
- Berita Harian. (2015). *Ulama, umara bergabung corakkan kejayaan dirancang*. 11 Februari 2015, p. 29-31.
- Clark, V. L. P., & Creswell, J. W. (2015). *Understanding research: A consumer's guide*. (2nd Ed.). New Jersey: Pearson Education.
- Fadzila Azni, A. (2010). *Kaedah pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Faisal, A. S., & Hanafi, H. (2017). *Konsep integriti menurut hadis nabi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fatimah Wati, H., Muhammad Zahir, M. & Fatimah, O. (2015). Personaliti dan nilai peribadi asas pegawai tadbir diplomatik dalam era tranformasi sektor awam. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(1), p. 75-83.
- Fazlur, R. (1984). *Islam*. Indonesia: Pustaka Bandung.
- Halimatus Saadiah, M. S., Baharom, M., & Sharifah Hayaati, S. I. (2013). *Peranan integriti sebagai mediator antara kepuasan kerja menurut perspektif Islam dan prestasi kerja: Pendekatan empirikal menggunakan Model SEM/AMOS*. International Conference on Research in Ethics Education. Turkey: Fatih Universiti, Istanbul, 19-21 November 2013.
- Hasan Al-Banna, M. (2014). *Kajian Kes Pelaksanaan MS1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: UMKL.
- Hasan Al-Banna, M., Ab Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2014). *Sistem pengurusan berkualiti menurut perspektif Islam mampu menjana kejayaan pembangunan modal insan di institusi pengajian tinggi Malaysia*. Seminar Pembangunan Modal Insan Ke-6 (SEMAI V1) & Seminar Siswazah Pertama, HALUAN, Bandar Baru Bangi, Selangor.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2016). Factors influencing the implementation of Islamic QMS in a Malaysian public higher education institution. *Total Quality Management & Business Excellence*, 27(9), p. 1140-1157.
- Hasliza, M. A. (2015). *Kajian pelaksanaan sistem pengurusan kualiti MS 1900: Keperluan daripada perspektif Islam di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. KL: UMKL.
- Hasliza, M. A., Siti Arni, B., & Musaiyadah, A. (2016). Implementation of the Islamic quality management system MS1900 and its benefits: A case study at the department of Hajj, Waqf and Zakah, Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 6(2), p. 85-98.

- Ilhaamie, A. G. A., Sharifah Hayaati, S. I., & Siti Arni, B. (2013). *Kualiti perkhidmatan awam menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ishak, A, La Ode Bahana, A., & Sri Wiyati, M. (2016). The effect of job satisfaction, integrity and motivation on performance. *The International Journal of Engineering and Science (IJES)*, 5(1), p. 47-52.
- Khaliq, A., & Fontaine, R. (2011). *Management from an Islamic perspective*. (Ed. ke-2). Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Lokman, A. R., & Siti Arni, B. (2012). Quality management features by conventional and Islamic perspective: An analysis of theory. *International Journal of Business and Management Tomorrow (IJBMT)*, 2(4), p. 1-8.
- Megat Ayop, M. A., & Abd. Halim, A. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum Malaysian. *Journal of Society and Space*. 12(9), p. 138-149.
- Mikulay, S. M., & Goffin, R. D. (1998). Measuring and predicting counter productivity in the laboratory using integrity and personality testing, educational and psychological measurement. *SAGE Journal*, 58(5), p. 768-790.
- Muhamad Faisal, B., & Mohd Rizal, M. (2013). *Kualiti perkhidmatan menurut perspektif Islam*. Proceeding of the International Convention on Islamic Management-Realizing Islamic Management in the 21st Century: Challenges and Prospects. University of Malaya, Kuala Lumpur. 27-28 November 2013.
- Nik Hairi, O., Azmi, A., & Azmi, A. M. (2012). Integriti dari perspektif pengaduan awam: Kajian kes di Jabatan Pengangkutan Jalan, Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 7, p. 141-155.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Pattison, S., & Edgar, A. (2011). Integrity and the moral complexity of professional practise. *Nursing Philosophy*, 12(2), p. 94-106.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. (7th Ed.). West Sussex, UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Siti Arni, B. (2010). *The establishment and requirements of Malaysian quality management system MS1900 from Islamic perspective*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam dalam Masyarakat Malaysia (PAIMM), Prakata: Arba'iyah Mohd. Noor, Jabatan Sejarah dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, KL, 5-6 Oktober 2010), 2, p. 347-362.
- Sulaiman, M. (2005). *Pelan integriti nasional*, Dalam Mazilan Musa, Izal Arif Zahrudin & Suzanna Che Moin. (Eds.). *Etika dan integriti di Malaysia: Isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia (IIM).
- Wan Mohamad, A. A. (2009). *Integriti dan Islam: Aplikasi berkesan membangun ummah*. Dalam Mustafar Ali & Adanan Mat Junoh (Penyusun). (Cetakan Pertama). Institut Integriti Malaysia (IIM), Kuala Lumpur, p. 91-111.
- Yin, R. K. (2016). *Case study research*. London: SAGE Publications.